

D.R. 7/2004

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu.

BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Kesebelas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baru telah diwujudkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2004 [*Akta A1206*):

DAN BAHAWASANYA beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu perlu dikurangkan peruntukan perbelanjaannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]:

DAN BAHAWASANYA menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baru itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Akta Perbekalan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2004.

Penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2004

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tujuh bilion enam ratus tiga puluh sembilan juta satu ratus tiga puluh sembilan ribu tiga ratus enam puluh sembilan ringgit (RM7,639,139,369) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan **maksud** yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 2004 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2004 [*Akta AJ206*].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	104,556,731
B. 15	Kementerian Luar Neaeri	4,026.916

*Perbekalan (Penguntungan Semula
Peruntukan Perbelanjaan)*

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amalan (RM)</i>
B 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8,000,000
B 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	236,992,555
B 26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	30,535,324
B 29	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	21,999,161
B 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	17,431,399
B 31	Kementerian Pelancongan	330,518,346
B 49	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	273,834,343
B 52	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	2,671,254,341
B 70	Kementerian Pengajian Tinggi	3,893,671,706
B 71	Kementerian Wilayah Persekutuan	46,318,547
	JUMLAH	7,639,139,369

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tujuh bilion enam ratus tiga puluh sembilan juta satu ratus tiga puluh sembilan ribu tiga ratus enam puluh sembilan ringgit (RM7,639,139,369) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-Undang ini bagi tahun 2004 berikutan dengan penyusunan semula beberapa kementerian, pewujudan beberapa kementerian baru dan pembubaran satu kementerian selepas Pilihan Raya Umum Kesebelas.

[PN(U²)2206]

A BILL

intituled

An Act to apply a sum from the Consolidated Fund for expenditure for the service of part of the year 2004 and to appropriate that sum for certain purposes for that part of the year.

WHEREAS, following the Eleventh General Election, several ministries have been restructured and renamed, several new ministries have been established and one ministry has been dissolved with its functions transferred to other ministries:

AND WHEREAS the expenditure for the purposes involving the restructured and renamed ministries as well as the dissolved ministry had been appropriated by the Supply Act 2004 [*Act A1206*]:

AND WHEREAS there is a need to reduce the appropriated expenditure in respect of several ministries which have been restructured and renamed following the restructuring of their functions:

AND WHEREAS the amount which has not been spent in relation to the ministry which has been dissolved and the ministries whose appropriated expenditure needs to be reduced has been suspended by the warrant issued by the Minister of Finance under paragraph 13(3)(b) of the Financial Procedure Act 1957 [*Act 61*]:

AND WHEREAS pursuant to Articles 100 and 101 of the Federal Constitution, reallocation of the appropriated expenditure for the purposes involving the restructured and renamed ministries and the new ministries can only be done through a Supply Act:

NOW THEREFORE IT IS ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Act may be cited as the Supply (Reallocation of Appropriated Expenditure) Act 2004.

(2) This Act is deemed to have come into operation on 27 March 2004.

Reallocation of appropriated expenditure for the year 2004

2. The issue is hereby authorized of a sum not exceeding seven billion six hundred and thirty-nine million one hundred and thirty-nine thousand three hundred and sixty-nine ringgit (RM7,639,139,369) from the Consolidated Fund for expenditure on the services and purposes specified in the Schedule for the year 2004, not provided for or not fully provided for by the Supply Act 2004 [*Act A1206*].

SCHEDULE

<i>Purpose</i>	<i>Title</i>	<i>Amount (RM)</i>
B. 6	Prime Minister's Department	104,556,731
B. 15	Ministry of Foreign Affairs	4,026,916
B. 20	Ministry of Plantation Industries and Commodities	8,000,000
B. 23	Ministry of Natural Resources and Environment	236,992,555
B. 26	Ministry of Entrepreneurial and Co-operative Development	30,535,324
B. 29	Ministry of Energy, Water and Communications	21,999,161
B. 30	Ministry of Science, Technology and Innovations	17,431,399
B. 31	Ministry of Tourism	330,518,346

Supply (Reallocation of Appropriated Expenditure) 3

<i>Purpose</i>	<i>Title</i>	<i>Amount (RM)</i>
B. 49	Ministry of Women, Family and Community Development	273,834,343
B. 52	Ministry of Internal Security	2,671,254,341
B. 70	Ministry of Higher Education	3,893,671,706
B. 71	Ministry of Federal Territories	46,318,547
	TOTAL	7,639,139,369

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to provide for the issue from the Consolidated Fund of a sum of seven billion six hundred and thirty-nine million one hundred and thirty-nine thousand three hundred and sixty-nine ringgit (RM7,639,139,369) for the services and purposes specified in the Schedule to the Bill for the year 2004 arising from the restructuring of several ministries, the establishment of several new ministries and the dissolution of a ministry following the Eleventh General Election.

[PN(U²)2206]